

MEDAN BAHASA

Cara-Cara Melaksanakan Penggunaan

Bahasa Melayu di Pejabat-pejabat Kerajaan

“.....Kita harus menyebut nama negeri kita ini sebagai Persekutuan Tanah Melayu, dan bukannya *Federation of Malaya*,.....Dewan Negara, dan bukannya *Senate*,.....dan sebagainya haruslah disebut dalam bahasa Melayu dengan tidak diterjemahkan...” kata Tuan ‘Abdullah bin Ayub, dalam ucapan radio anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, yang dihidangkan di sini dengan sepenuhnya – pengarang Qalam.

(oleh: ‘Abdullah bin Ayub)

Bagaimana Bahasa Melayu itu boleh digunakan di pejabat-pejabat kerajaan di Persekutuan Tanah Melayu, dengan beransur-ansur, hingga dapat menggantikan Bahasa Inggeris yang ada pada hari ini? Pada pandangan saya ada dua masalah yang besar yang kita hadapi untuk mencapai tujuan ini:

Yang pertama: Kebanyakan orang-orang yang bekerja di pejabat kerajaan sekarang tidak mengerti Bahasa Melayu dan kalau pun ada yang tahu tidaklah setakat yang boleh digunakan untuk urusan kerajaan.

Yang kedua: Bahasa Melayu yang ada pada masa ini mempunyai serba kekurangan dan masih belum boleh digunakan dalam beberapa cawangan kerajaan. Ia masih belum boleh memperkatakan soal yang bersangkutan dengan urusan kerajaan dengan sah dan difahami oleh semua orang.

Kedua-dua masalah yang saya sebutkan tadi haruslah

diselesaikan bersama-sama dengan tidak boleh tidak, kerana sekiranya kita hanya dapat menghuraikan soalan yang pertama tetapi tidak dapat menghuraikan soalan yang kedua atau sebaliknya maka tentulah tidak dapat kita mencapai tujuan kita iaitu menggantikan Bahasa Inggeris dengan Bahasa Melayu.

Sekarang saya akan cuba mengesyorkan bagaimana masalah yang pertama itu dapat diselesaikan iaitu masalah supaya sekalian anggota dan kakitangan kerajaan tahu bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu. Yang layak digunakan dalam pejabat-pejabat kerajaan. Pada fikiran saya satu daripada jalan untuk menghasilkan tujuan ini ialah bagi kerajaan negeri kita yang sudah merdeka ini mengisytiharkan dengan tegas satu tarikh yang tertentu bilakah kerajaan akan menggunakan Bahasa Melayu dalam pejabat-pejabat kerajaan. Sebagaimana kita telah menetapkan

31 hari bulan Ogos yang lepas sebagai matlamat hari kemerdekaan dan 31 hari bulan Ogos 1958 sebagai hari menamatkan darurat maka begitulah jua kita buat bagi menjadikan Bahasa Melayu yang digunakan oleh kerajaan di pejabat-pejabat.

Tarikh yang tertentu yang saya sebutkan itu tidaklah mustahak sama atau serupa bagi semua pejabat-pejabat kerajaan bahkan bolehlah ia berlain-lainan atau berperingkat mengikut keadaan pejabat-pejabat itu bersesuaian dengan adanya kakitangan yang tahu Bahasa Melayu dan sepadan dengan hal ehwal yang ditadbirkan oleh pejabat itu. Misalnya pejabat tanah, kalau sekiranya semua kakitangan dalam pejabat itu tahu Bahasa Melayu dan hal ehwal tanah dapat diperkatakan dengan Bahasa Melayu dengan tidak membawa kepada kekeliruan maka bolehlah digunakan dengan cepat bahawa Bahasa Melayu sahaja boleh digunakan dalam pejabat itu. Sebaliknya pula dalam pejabat perubatan (hospital misalnya) di mana-mana perkara-perkara yang ditadbirkan masih belum boleh diperkatakan atau mesra dalam Bahasa Melayu maka tentulah tarikh menggunakan Bahasa Melayu terpaksa dilambatkan.

Dengan adanya tarikh yang tertentu seperti yang saya sebutkan tadi nescaya kakitangan-kakitangan kerajaan itu berlumba-lumba mempelajari Bahasa Melayu supaya boleh digunakan oleh mereka selepas hari yang ditentukan itu. Dengan jalan ini mereka tidaklah boleh menyalahkan sesiapa sekiranya mereka tidak dipakai oleh kerajaan atau tidak naik pangkat sekiranya mereka tidak tahu berbahasa Melayu.

Setelah tarikh-tarikh bagi penggunaan Bahasa Melayu itu ditetapkan maka kerajaan haruslah memberi kemudahan supaya kakitangan kerajaan itu dapat belajar Bahasa Melayu dengan mengadakan kelas-kelas dengan guru-guru yang terlatih sama ada pada masa petang atau hari-hari cuti atau pun satu jam atau dua jam daripada masa mereka bekerja.

buku-buku pelajaran dan bacaan tambahan haruslah jua disediakan untuk mereka itu. Peraturan yang saya sebutkan ini haruslah dijalankan dengan serta-merta.

Sambil ikhtiar-ikhtiar yang telah disebutkan tadi dijalankan maka kerajaan harus pula mengambil langkah-langkah yang permulaan supaya bahasa Melayu itu boleh difaham dan dipakai oleh semua orang. Bagi permulaannya nama-nama kementerian dan pejabat-pejabatnya mestilah di dalam Bahasa Melayu dan terjemahan Inggeris mestilah jangan digunakan. Nama-nama pangkat pegawai-pegawai tinggi hendaklah dalam Bahasa Melayu dengan tidak menggunakan Bahasa Inggeris. Misalnya Kementerian Pelajaran, harus jangan ada terjemahannya *Ministry of Education*. Pejabat Penerangan hendaklah jangan menggunakan terjemahannya *Department of Information Service*. Segala papan nama-nama pejabat haruslah dalam Bahasa Melayu. Begitu jua tajuk-tajuk fail dan tajuk-tajuk surat (*letter heads*) daripada pejabat-pejabat kerajaan. Dengan jalan ini kakitangan kerajaan dengan sendirinya mempelajari Bahasa Melayu dengan tidak disedarinya.

Begitu jua dengan nama yang ada tersebut di dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. Kita harus menyebut nama negeri kita ini sebagai Persekutuan Tanah Melayu, dan bukannya *Federation of Malaya*, negeri Perak bukannya *State of Perak*, Dewan Parlimen bukannya *House of Parliament*, Dewan Negara dan bukannya *Senate*. Begitu jua yang di-Pertuan Agong Perdana Menteri dan sebagainya haruslah disebut dalam Bahasa Melayu dan tidak diterjemahkan sebagai *Paramount Ruler* dan Prime Minister. Kalau pada masa ini dan yang sudah-sudah semua orang memanggil Menteri Besar itu Menteri Besar dengan tidak diterjemahkan, saya percaya orang ramai jua akan berbuat demikian pada nama-nama atau pangkat-pangkat yang lain-lain jikalau tidak ada terjemahannya.

Pada masa ini sudah ada banyak urusan di dalam negeri-negeri Melayu yang telah boleh diuruskan dengan Bahasa Melayu terutama di negeri Kedah, Johor, Kelantan dan Terengganu oleh sebab kakitangan pejabat-pejabat itu kebanyakan mengerti Bahasa Melayu. Penggunaan Bahasa Melayu yang seperti itu harus dibanyakkan lagi dan mutunya ditingkatkan supaya dicontohi oleh negeri-negeri seperti negeri Perak, Selangor, Pahang, Negeri Sembilan, Melaka dan Pulau Pinang.

Permulaan harus dibuat di mana pegawai pejabat mengerti Bahasa Melayu supaya pegawai-pegawai itu menulis minit-minit dalam failnya dengan Bahasa Melayu. Repot-repot atau memorandum yang senang-senang, harus ditulis dalam Bahasa Melayu jikalau difikirkan semua orang yang dikehendaki membaca penyata itu boleh berbahasa Melayu.

Sekarang mari pula kita masuk kepada masalah yang kedua iaitu memajukan dan memperkayakan Bahasa Melayu supaya ia boleh memperkatakan semua hal-hal yang diuruskan oleh kerajaan. Pada masa ini kita semua tahu akan kekurangan bahasa kita terutama dalam lapangan undang-undang dan perkara teknikal dan profesional.

Untuk menyelesaikan soal ini pada fikiran saya mustahaklah tiga badan atau pegawai-pegawai ini bekerjasama:

- Yang pertama: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Yang kedua: Pejabat Penterjemah Persekutuan yang sedang ditubuhkan.
- Yang ketiga: Ketua-ketua pejabat Permulaan harus diadakan untuk menterjemah

undang-undang negeri yang ada pada hari ini daripada Bahasa Inggeris ke dalam Bahasa Melayu. Dalam menterjemah ini tentulah ada perkataan-perkataan atau kalimah-kalimah Inggeris yang digunakan dalam undang-undang itu yang tidak dapat diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu. Dewan Bahasa haruslah menolong dalam hal ini supaya Bahasa Melayunya yang sesuai dapat dicari atau ditempa. Mereka harus bekerjasama dengan ketua pejabat yang mengerti akan tujuan undang-undang itu supaya terjemahan itu tidak lari daripada tujuan yang sebenar.

Dewan Bahasa haruslah berikhtiar memajukan dan memperkayakan Bahasa Melayu dengan cara besar-besaran supaya ia boleh digunakan di dalam semua pejabat-pejabat kerajaan dengan makna dan tujuan yang tepat dan tidak mengelirukan. Dewan Bahasa dan Pustaka harus jua berikhtiar menyatakan (*standardize*) segala perkataan atau kalimah-kalimah yang digunakan oleh kerajaan supaya ia mudah difaham dan tidak mengelirukan. Misalnya kita harus mantapkan sama ada terjemahan *citizen* itu rakyat atau pun warga negara, *government* itu kerajaan atau pemerintahan dan sebagainya. Dalam hal ini pada fikiran saya adalah menjadi kewajipan Dewan Bahasa itu untuk mengadakan kamus istilah yang mengandungi perkataan-perkataan yang digunakan oleh kerajaan pada tiap-tiap hari.

Demikianlah sedikit fikiran saya yang dapat saya beri dalam masa yang pendek ini baagimana membolehkan Bahasa Melayu dipakai di pejabat-pejabat kerajaan. Untuk menutup syarahan saya ini saya mencadangkan kepada kerajaan supaya suatu suruhanjaya khas ditubuhkan untuk menyiasat dengan teliti bagaimana Bahasa Melayu dapat digunakan di pejabat-pejabat kerajaan.